
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2003/2004

April 2004

JTP 452 – PERHUBUNGAN INDUSTRI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Jawapan anda harus disokong dengan mana-mana akta berkanun yang relevan jika perlu.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan mempunyai markah yang berlainan.

...2/-

SOALAN 1

Beberapa orang daripada Syarikat Maju berhasrat untuk menubuhkan kesatuan sekerja dan ingin memperolehi pengiktirafan daripada majikan mereka. Tetapi, mereka tidak begitu fasih dengan keperluan dan prosedur penubuhan kesatuan sekerja. Tujuan mereka menubuhkan kesatuan sekerja ialah supaya dapat mengadakan rundingan kolektif dengan pihak majikan.

- (a) Nasihatkan para pekerja bagaimana mereka boleh menubuhkan kesatuan sekerja.
- (b) Terangkan kepada para pekerja tersebut prosedur-prosedur untuk mendapat pengiktirafan kesatuan sekerja pekerja.
- (c) Terdapat beberapa orang eksekutif yang ingin menyertai kesatuan sekerja pekerja dalaman (in-house union). Antara mereka, terdapat juga setiausaha sulit kepada Pengarah Syarikat Maju. Jelaskan kepada para pekerja serta setiausaha tersebut samada mereka layak menjadi ahli kesatuan sekerja dalaman.
- (d) Jelaskan kepada para pekerja apakah prosedur yang harus diikuti supaya majikan akan setuju untuk mengadakan rundingan kolektif dengan kesatuan sekerja yang telah diiktiraf. (Andaikan mereka melakukan rundingan kolektif selepas kesatuan sekerja mereka telah diiktiraf).
- (e) Syarikat Maju telah mengambil beberapa orang pemuda yang baru tamat PMR. Mereka berumur antara 15-16 tahun. Pemuda-pemuda tersebut ingin menyertai kesatuan sekerja dalaman. Nasihatkan samada mereka layak atau tidak.

(35 markah)

SOALAN 2

Basrah telah dilantik sebagai pengurus sumber manusia di Syarikat Teluk di zon perdagangan bebas. Beliau tidak arif tentang perundangan buruh di Malaysia kerana selama ini beliau bekerja di luar negara. Beliau diberitahu bahawa Akta Kerja 1955 ialah salah satu perundangan buruh yang penting dan meminta nasihat anda tentang perkara-perkara yang berikut:

- (a) Seorang pengawal di pondok kawalan telah pergi makan malam tanpa memberitahu sesiapa pada Rabu lalu. Akibat daripada tindakan beliau, beberapa orang pekerja telah dapat menyeludup keluar barangan syarikat Teluk. Apakah tindakan yang wajar diambil oleh Basrah?

...3/-

- (b) Salah seorang pekerja di syarikat Teluk yang berpendapatan melebihi RM 1,500 tetapi kurang daripada RM 5,000 tidak berpuas hati dengan tindakan seorang pengurus dalam hal pembuangan kerja (retrenchment) akibat kegawatan ekonomi. Nasihatkan Basrah berkenaan dengan garis panduan yang harus diikuti dalam hal pembuangan kerja (retrenchment).
- (c) Basrah diarahkan oleh majikannya supaya menamatkan perkhidmatan seorang pekerja kerana pekerja tersebut terlalu aktif dalam kesatuan sekerja dan selalu mengambil cuti untuk menghadiri mesyuarat kesatuan sekerja. Terangkan kepada Basrah kesan tindakan tersebut dari segi perundangan buruh yang termaktub dalam Akta Perhubungan Industri 1967.
- (d) Beberapa pekerja asing telah diambil bekerja oleh syarikat Tekun. Jelaskan kepada Basrah hak-hak pekerja asing, seperti mana yang termaktub dalam Akta Kerja 1955.

(20 markah)

SOALAN 3

Cik Ho merupakan seorang pramugari yang bekerja dengan sebuah syarikat penerbangan Italy. Dalam penerbangan daripada Italy ke Australia baru-baru ini, beliau telah cuba dicabuli oleh seorang penumpang yang mabuk. Beliau telah membuat aduan kepada pihak pengurusan. Tetapi pihak pengurusan enggan mengambil sebarang tindakan kerana penumpang yang mabuk itu merupakan ketua mafia yang terkenal di Itali. Beliau telah berdiam dan teruskan pekerjaan beliau. Minggu ini, beliau telah berjumpa dengan penumpang tersebut lagi dan sekali lagi telah cuba mencium Cik Ho secara paksa. Cik Ho amat tidak puas hati kerana pihak pengurusan tidak mengambil sebarang tindakan walaupun beliau telah membuat laporan. Nasihatkan Cik Ho.

(10 markah)

SOALAN 4

Buat pengiraan untuk yang berikut:

- (a) Cik Siti telah bekerja lebih masa (overtime) pada minggu satu selama 6 jam. Pada minggu kedua, Cik Siti telah bekerja lebih masa sebanyak 7 jam dan pada minggu ketiga, beliau telah bekerja lebih masa sebanyak 4 jam. Pada minggu keempat, Cik Siti tidak bekerja lebih masa tetapi, beliau telah bekerja pada hari rehat. Gaji bulanan Cik Siti ialah RM 1,130. Kirakan jumlah gaji yang diperolehi oleh Cik Siti untuk bulan tersebut termasuk lebih masa.

(7 markah)

...4/-

- (b) Encik Harun telah bekerja untuk Syarikat Alas sejak bulan Mac 1993. Beliau telah dibuangkan kerja pada 30 September 2004. Gaji tahunan terakhir Encik Harun ialah RM 23,480. Majikan bersetuju untuk membayar bonus sebanyak 2 bulan untuk tahun 2003 (genap tahun). Syarikat Alas juga memberi insentif pemuangan kerja sebanyak satu bulan untuk setiap tahun genap bekerja dan dipro-ratakan sekiranya tidak genap setahun. Kirakan jumlah pampasan yang diperolehi oleh Encik Harun.
- (7 markah)
- (c) Encik Harun telah meletak jawatannya pada bulan oktober 2004. Tarikh akhir kerja beliau ialah pada 19 Oktober 2004. Gaji tahunan beliau yang terakhir ialah RM 32,800. Syarikat di mana Encik Harun bekerja juga telah mengumumkan bonus tahunan sebanyak 2% daripada gaji bulanan para pekerja. Majikan akan membayar kepada Encik Harun bonus tahunan berdasarkan cara pro-rata (pro-rate). Berapakah gaji yang akan diterima oleh Encik Harun pada keseluruhannya termasuk bonus.
- (4 markah)
- (d) Encik Jamal dengan isterinya bercadang untuk menggunakan wang simpanan KWSP mereka untuk membiayai sebuah rumah bertanah. Encik Jamal mempunyai RM 378,000 dalam akaun KWSPnya pada keseluruhan. Isteri Encik Jamal pula mempunyai RM 284,00 dalam akaun KWSP beliau. Kos rumah bertanah tersebut ialah RM 312,000. Mereka akan mengambil pinjaman daripada bank sebanyak 80% atau 90% daripada harga rumah, mereka belum membuat keputusan. Kirakan jumlah yang boleh dikeluarkan oleh Encik Jamal dan isterinya.
- (5 markah)

SOALAN 5

Jelaskan prinsip-prinsip serta konsep-konsep berikut:

- (a) Berdasarkan kepada Kod Hasutan Seks, apakah tindakan-tindakan yang dianggap sebagai hasutan seks?
- (b) Apakah tujuan Akta SOCSO/PERKESO?
- (c) Bezakan antara mahkamah buruh dengan mahkamah industri.
- (d) Jelaskan kenapa Kod Tingkahlaku untuk Keharmonian Industri tidak begitu berkesan untuk menjamin Keharmonian industri.

(12 markah)